



MALAYSIA

Warta Kerajaan  
SERI PADUKA BAGINDA  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE  
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 40  
No. 3

Shb Februari 1996

TAMBAHAN No. 10  
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 51.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM  
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

FATWA yang berikut yang dibuat oleh Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan di bawah subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 adalah disiarkan menurut subseksyen itu:

Akta 505.

1. Pertandingan Ratu Cantik

Adalah haram dan berdosa bagi orang Islam menyertai atau menganjurkan atau menyumbangkan apa-apa bentuk sumbangan untuk penganjuran apa-apa pertandingan ratu cantik.

2. Golongan Anti Hadith

A. Bahawa—

- (i) buku yang bertajuk "Hadith Satu Penilaian Semula" dan "Hadith Jawapan Kepada Pengkritik" yang ditulis oleh Kassim Ahmad dan isi kandungannya;
- (ii) buku yang bertajuk "Pendedahan Kebenaran Adalah Dari Tuhanmu-Hadith di dalam Al-Quran" yang ditulis oleh Idris Abdul Rahman dan isi kandungannya;
- (iii) buku yang bertajuk "Bacaan" yang ditulis oleh Othman Ali dan isi kandungannya;

- (iv) buku yang bertajuk "The Computer Speaks-God's Message To The World" yang ditulis oleh Dr. Rashad Khalifa dan isi kandungannya;
- (v) risalah "Iqra" terbitan Jemaah Al-Quran Malaysia dan isi kandungannya; dan
- (vi) apa-apa terjemahan buku atau risalah yang disebut dalam butiran (i) hingga (v) dan isi kandungannya dalam mana-mana bahasa,

adalah mengandungi ajaran, pegangan dan fahaman yang bertentangan dengan aqidah dan syariah Islamiah serta mengelirukan masyarakat Islam dan membawa kepada murtad, oleh itu adalah diharamkan.

B. Bahawa mana-mana orang atau kumpulan orang yang berpegang kepada ajaran, pegangan atau fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A) adalah sesat kerana ia bertentangan dengan aqidah, syariah dan akhlak Islam.

C. Bahawa pengharaman ini meliputi—

- (i) apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A) dan termasuklah apa-apa pegangan, ideologi, falsafah, atau apa-apa kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang merangkumi kesemua tujuannya atau salah satu daripada tujuannya iaitu pencapaian pengajaran kebatinan, perlindungan kebatinan atau kewujudan kebatinan iaitu suatu pegangan, ideologi, falsafah atau kumpulan atau sistem amalan atau penunaian yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Waljamaah;
- (ii) apa-apa bahan publisiti termasuk mana-mana terbitan, ertiinya apa-apa bahan termasuklah suatu gambar, gambarfoto, logo, poster, rajah, surat edaran, gelansar filem, iklan di akhbar dan apa-apa bentuk iklan lain yang bertujuan memberi publisiti kepada terbitan tersebut yang berkaitan dengan ajaran, pegangan atau fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A); dan

- (iii) apa-apa terbitan, ertiinya apa-apa buku, majalah, pamphlet, risalah atau apa-apa bahan bacaan lain, sama ada dicetak, ditaip, ditulis tangan atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain dan apa-apa bentuk keluaran ulangannya, dan termasuklah apa-apa filem iaitu wayang gambar, pita rakaman atau rekod walau bagaimanapun ia dibuat, daripada suatu imej, berdasarkan penglihatan, yang merupakan rekod yang mampu digunakan sebagai suatu alat yang menayangkan rangkaian itu sebagai gambar bergerak; rakaman audio iaitu apa-apa bahan termasuk piring hitam, fotografi, pita rakaman, cakera laser dan cakera padat yang dirakamkan rakaman suara manusia, untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran, pegangan atau fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A).

Oleh itu orang Islam adalah dilarang mengamal ajaran, pegangan dan fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A), menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran dan aktiviti lain yang bertujuan menghidupkan dan mengembangkan ajaran, pegangan atau fahaman yang terkandung di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A).

Orang Islam adalah juga dilarang memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, pamphlet, buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah dan apa-apa dokumen; menggunakan apa-apa bentuk lambang, rajah atau tanda yang boleh mengaitkan kepada ajaran, pegangan atau fahaman di dalam buku atau risalah, isi kandungannya dan terjemahannya, yang disebut dalam subperenggan (A) kepada mana-mana harta alih atau tak alih, dan semua pihak dilarang daripada memberi apa jua kemudahan dan bantuan.

Bertarikh 15 Januari 1996.  
[JAWI/A/145; PN.(PU<sup>2</sup>) 530.]

TAN SRI DATO' ABDUL KADIR BIN TALIP,  
*Mufti,*  
*Wilayah-Wilayah Persekutuan*